



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 05/2025



HARI HOL

16 MEI 2025 | 18 ZULKAEDAH 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kematian pasti akan berlaku atas setiap makhluk yang bernyawa. Begitulah jua kita yang bernama manusia. Kita pasti



akan mati. Cuma bilakah masa, bagaimana cara dan di mana tempat tiada siapa yang mengetahuinya selain Allah Azza Wajalla. Firman Allah Azza Wajalla dalam Surah Luqman ayat 34:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ

إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuanNya.*”

Sebab itulah dalam Islam, kita dituntut untuk selalu mengingati mati dan bersiap sedia dengan bekalan untuk



menghadapi kehidupan selepas kematian walau di mana kita berada. Allah Taala berfirman dalam Surah al-Mulk ayat 2 yang bermaksud:

“Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup untuk menguji kamu siapakah antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Berkuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun.”

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya:

فَأَيُّ الْمُؤْمِنِينَ أَكْيَسُ؟ قَالَ: أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا، وَأَحْسَنُهُمْ لِمَا بَعْدَهُ

إِسْتِعْدَادًا، أَوْلَيْكَ الْأَكْيَاسُ

Yang bermaksud: *“Siapakah dalam kalangan mukmin yang paling bijak? Rasulullah bersabda, “Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang paling baik persediaannya untuk selepas daripada mati, mereka itulah orang yang bijak.”*

Jelaslah daripada ayat al-Quran dan hadis yang dibacakan tadi, Islam menuntut kita mengingati mati dan mengumpul pahala sebanyak-banyaknya untuk bekalan kita di akhirat seperti dengan beramal ibadah, berbuat baik kepada manusia dan sebagainya.



Sidang Jumaat yang Berbahagia.

Tarikh 22 Mei merupakan Hari Hol, iaitu hari kelepasan am di Negeri Pahang Darul Makmur. Dalam sejarah negeri ini, Hari Hol diisytiharkan sejak tahun 1974 sebagai hari cuti umum bagi memperingati ulang tahun kemangkatan Sultan Pahang yang keempat, Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah. Kemudian sejak tahun 2020, Hari Hol dipinda ke tarikh 22 Mei iaitu bersempena tarikh ulang tahun kemangkatan Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Pahang yang kelima.

Mungkin masih ramai dalam kalangan masyarakat di negeri ini tidak mengetahui pengertian dan pengajaran di sebalik Hari Hol. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa perkataan 'Hol' berasal daripada kalimah Arab '*Haul*' (حَوْل) yang bermaksud setahun atau ulang tahun. Dalam tradisi Melayu, Arab dan adat istana, 'Hol' ialah majlis memperingati ulang tahun kemangkatan seorang raja atau seseorang yang sangat dihormati seperti tokoh masyarakat, pemimpin dan ulama. Lazimnya ia diisi dengan bacaan surah Yasin, tahlil, bacaan doa dan penceritaan sumbangnya kepada masyarakat.



Hari Hol bukan sekadar hari peringatan. Ia adalah medan muhasabah dan waktu untuk kita mengenang jasa-jasa kepimpinan terdahulu yang sudah tiada. Mereka menanam benih keadilan, kebaikan dan ketakwaan dalam pentadbiran mereka. Sultan-sultan Pahang yang terdahulu merupakan raja yang banyak berjasa kepada pembangunan dan kemakmuran negeri ini.

Raja adalah ketua agama dan payung tempat rakyat jelata bernaung di tanah air ini. Rakyat pula berperanan untuk menjaga perpaduan dan menumpahkan taat setia kepada raja. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis riwayat Imam al-Bukhari:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ
بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Yang bermaksud: “(Wajib) dengar dan taat (kepada pemimpin) ke atas setiap orang Muslim pada apa yang dia suka dan benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat, apabila dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi dengar dan taat.”



Hari Hol juga mengajar kita menginsafi bahawa akhirat adalah kehidupan sebenar yang kekal abadi. Sementara itu, anak-anak atau waris yang masih hidup berperanan mendoakan kesejahteraan roh ibu bapa yang telah tiada. Demikian juga rakyat sesebuah negeri, mereka juga dianjurkan untuk memperbanyakkan doa kepada raja-raja dan para pemimpin. Ulama dan ahli hadis terkenal Fudhail bin ‘Iyadh Rahimahullah pernah mengungkapkan:

“Seandainya aku memiliki doa yang mustajab, aku akan tujukan doa tersebut pada pemimpinku.” Seseorang bertanya kepadanya, *“Kenapa begitu?”*. Fudhail menjawab, *“Jika aku tujukan doa tersebut kepada diriku sahaja, maka itu hanya bermanfaat untukku. Namun jika aku tujukan untuk pemimpinku, maka rakyat dan negara turut akan mendapat kebaikan.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza Wajalla.

Daripada khutbah hari ini dapatlah disimpulkan beberapa perkara penting iaitu:

Pertama, Islam mengajak kita untuk banyak mengingati mati dan bersiap sedia dengan bekalan berbentuk amal ibadah dan kebaikan yang dilakukan.



Kedua, marilah kita bersama-sama mengukuhkan perpaduan terutamanya sesama Muslim dengan mentaati segala perintah Allah dan mencurahkan taat setia kepada raja serta pemimpin yang beriman.

Ketiga, kita dituntut untuk memperbanyakkan doa kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia agar roh mereka dicucuri rahmat dan diberikan keampunan oleh Allah Subhanahu wa Taala.

Mengakhiri khutbah sempena sambutan hari Hol ini, marilah kita bersama-sama mendoakan keampunan dan kerahmatan kepada Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Pahang yang kelima di atas jasa kepada agama, bangsa, negeri dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَقَوْمُ إِنَّمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَعٌ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ ﴿٣١﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.